



JABATAN PELAJARAN MELAKA
JALAN ISTANA,
PETI SURAT No. 62,
75902 MELAKA

Pengarah : 06-2323782
Timbalan : 06-2323781
Pejabat Am : 06-2323777
06-2323778
06-2323779
Peperiksaan : 06-2323780
Fax : 06-2320500

Ruj. Kami : JPM.SKPP.KEW.100-6/5/2(00)
Tarikh : 25 Januari 2010

Semua Ketua Sektor
Semua Pegawai Pelajaran Daerah
Semua Pengetua Sekolah PTJ
Negeri Melaka

TUNTUTAN PERJALANAN DAN SARA HIDUP TAHUN 2010

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana yang pihak tuan telah sedia maklum, peruntukan keseluruhan Jabatan telah dikurangkan sebanyak 50 peratus bagi kebanyakan aktiviti. Untuk peruntukan tuntutan perjalanan khususnya, peruntukan yang telah diluluskan untuk tahun 2010 telah berkurang kepada RM 1.1 juta berbanding perbelanjaan tahun 2009 sebanyak RM4.6 juta.

3. Sehubungan dengan itu, satu arahan dan peraturan tambahan berkaitan tuntutan perjalanan untuk tahun 2010 telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) bilangan 1 tahun 2010 pada 25 Januari 2010. Berikut adalah arahan dan peraturan tambahan yang telah diluluskan untuk dipatuhi oleh semua pihak:

3.1 Urusan Menghantar atau Mengambil Wang, Dokumen dan Barangan

Setiap Pejabat dan Sekolah diminta memastikan hanya Pembantu Am Pejabat sahaja yang dibenarkan menghantar atau mengambil dokumen dan barangan di tempat – tempat lain. Guru Besar, Pengetua dan guru – guru lain tidak dibenarkan untuk menjalankan tugas – tugas yang seharusnya dilaksanakan oleh Pembantu Am Pejabat.

Untuk urusan kemasukan atau pengeluaran wang di bank, Pengurus Sekolah dikehendaki mengeluarkan surat kebenaran/kuasa kepada kakitangan di bawah seliaannya untuk tujuan tersebut. Seberapa boleh Pembantu Am Pejabat hendaklah melaksanakan tugas ini kecuali bagi kes – kes pengeluaran atau kemasukan wang yang melibatkan amaun yang besar.

3.2 Pemantauan Berkelompok

Setiap pegawai yang menyertai program pemantauan ke sekolah secara berkelompok dikehendaki supaya hadir terlebih dahulu ke pejabat bagi memastikan amalan berkongsi kereta dapat dilaksanakan. Urusetia seberapa boleh hendaklah menyediakan kenderaan Jabatan bagi tujuan ini.

3.3 Tuntutan Guru/Pegawai Bagi Program Majlis Sukan Sekolah Malaysia Negeri Melaka (MSSM)

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sukan MSSM bilangan 1 tahun 2010, tuntutan bagi pegawai atau guru yang terlibat dengan program MSSM akan diproses oleh

(Sila catatkan rujukan Jabatan ini bila berhubung)

MSSM berdasarkan kadar yang akan ditetapkan oleh MSSM. Jabatan ini tidak akan menanggung tuntutan guru/pegawai bagi program anjuran MSSM.

MSSM juga telah bersetuju menyediakan makanan dan minuman pada setiap programnya kepada guru atau pegawai yang terlibat. Sehubungan dengan itu, tuntutan selain tuntutan perjalanan adalah tidak relevan.

3.4 Tugas Rasmi Bukan Di Ibu Pejabat Sepanjang Waktu Bekerja (Di Dalam Negeri Melaka)

3.4.1 Jarak Perjalanan Kurang atau Sama Dengan Jarak Dari Rumah Ke Ibu Pejabat

Setiap Guru/Pegawai yang terlibat tidak dibenarkan membuat tuntutan perjalanan dan sara hidup kerana perjalanan tersebut dikira sebagai perjalanan biasa dari rumah ke ibu pejabat.

3.4.2 Jarak Perjalanan Melebihi Jarak Perjalanan Dari Rumah Ke Ibu Pejabat

Tuntutan perjalanan yang dibenarkan adalah berdasarkan jarak yang terdekat dari rumah atau Ibu Pejabat.

3.5 Tugas Rasmi bukan Di Ibu Pejabat Sehingga Waktu Pulang (Bukan sepanjang waktu bekerja)

3.5.1 Perjalanan Sehala Balik Ke Rumah

Tuntutan yang dibenarkan adalah berdasarkan jarak sehala dari ibu pejabat ke tempat bertugas kerana guru/pegawai terlibat dikehendaki pulang terus ke rumah.

3.5.2 Perjalanan Bukan Sehala Balik Ke Rumah

Tuntutan yang akan dibayar adalah berdasarkan jarak dari tempat bertugas ke Ibu Pejabat atau rumah mana terdekat.

3.6 Perjalanan Ke Jabatan atau Pejabat Pelajaran Daerah Selain Mengambil Dokumen atau Barangan Oleh Pembantu Am Pejabat


Perjalanan ke Jabatan atau Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) hanya akan dibayar sekiranya surat panggilan mesyuarat atau taklimat atau lain – lain program dikeluarkan oleh Jabatan atau PPD.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Copat, Tepat, Hebat"

Saya yang menurut perintah,


(HAJI ISA BIN HAJI ABU)
Pengarah Pelajaran Melaka

s.k Timbalan Pengarah Pelajaran Melaka
Ketua Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan
Akauntan
Fail Penyelaras